

Pesakit kanser jangan putus asa – Abdullah

UM-16/2/2007
PUTRAJAYA 15 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihati para pesakit kanser supaya tidak berputus asa ketika menghadapi penyakit itu dan perlu menjalani kehidupan secara normal.

Menurut Perdana Menteri, kebiasaannya mereka yang menghidap kanser akan berputus asa dan ini menyebabkan pesakit berasa tertekan seterusnya mewujudkan pelbagai masalah.

“Isteri saya menghidap kanser selama lima tahun tetapi sepanjang tempoh itu banyak perkara yang dirancangnya termasuk mempromosikan batik dan songket, malah meyakinkan kerajaan untuk menubuhkan pusat terapi kanser.

“Walaupun beliau gagal melawan penyakit itu, namun beliau memberikan mesej bahawa pesakit kanser tidak seharusnya berputus asa,” katanya ketika berucap pada majlis meraikan pendaki Gunung Aconcagua, Argentina di kediamannya di Seri Perdana di sini, malam tadi.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Datin Azrene Abdullah selaku Pengarah si Yayasan Pink Ribbon Deeds (PRIDE).

Pendakian itu diketuai oleh bekas pesakit kanser payu dara, Rene'e Aziz Ahmad dan disertai oleh Stephanie Chok, Khairul Ariffin Ibrahim, Kapten Zabil Ihram Zainol, Harun Rahman dan Shereen Effendy Lee.

Gunung Aconcagua mempunyai ketinggian 6,959 meter dan ekspedisi selama 26 hari bermula 13 Januari hingga 9 Februari lalu itu digelar *Climb with PRIDE-Aconcagua 2007*.

Ia ditaja oleh syarikat pengeluar air galian, Eau Claire, PLUS Expressway Bhd., Telekom Malaysia Bhd.; Powerbar, CoreZone, AirAsia dan Las Lenas iaitu sebuah resort di Argentina.

Mengulas mengenai pendakian itu, Abdullah berkata, Rene'e telah memberikan contoh terbaik bahawa pesakit kanser juga mampu menjalani kehidupan normal.

“Apabila mendengar mereka akan mendaki gunung itu, saya berfikir ia adalah satu tempat yang jauh dan walaupun mereka tidak sampai ke kemuncak, namun mereka menunjukkan semangat yang kuat.

“Kita berbangga dengan mereka dan diharapkan dengan itu semua pesakit kanser akan mendapat mesej yang ingin disampaikan oleh pendaki tersebut,” katanya.

Allahyarham isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood meninggal dunia pada 20 Oktober 2005 kerana penyakit kanser payu dara.